

TARIKH	29 Mei 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-20	RUANGAN	Supplement

## 700 pelajar sekitar Johor sertai Seminar PMR

**S**ERAMAI 700 calon peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) menyertai Seminar PMR 2012 anjuran Berita Harian di beberapa lokasi di Johor Darul Takzim minggu lalu sebagai usaha memantapkan persiapan menghadapi peperiksaan itu, Oktober ini.

Daripada jumlah itu, seramai 300 orang calon menghadiri seminar tajaan Kelab TaHa kendalian Tabung Haji cawangan Pontian, Johor, 210 calon di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat manakala kira-kira 170 calon di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai.

Seminar dua hari itu mendedahkan pelajar dengan pelbagai panduan serta teknik mudah memahami subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kemahiran Hidup dan Sejarah.

Program di UTHM dirasmikan Pegawai Pendidikan daerah Batu Pahat, Encik Ab Rahim Lamin yang menasihatkan calon supaya gigih berusaha menempa kejayaan gemilang sekali gus menyumbangkan

bakti kepada negara.

Beliau berkata, untuk menjadi bangsa Malaysia yang bersemangat waja, calon mesti membina asasnya menerusi ilmu pengetahuan yang tinggi, jiwa luhur dan keyakinan diri yang kental.

Katanya, kejayaan masa depan negara bergantung kepada kemampuan generasi akan datang iaitu pelajar yang kini masih di bangku sekolah.

Seramai 300 Kelab TaHa menyertai seminar PMR tajaan Tabung Haji di MRSM Ayer Baloi, Pontian, Johor, baru-baru ini.



Pelajar yang menyertai Seminar PMR di UTM Skudai.

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	29 / MEI / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1 - M 20	RUANGAN	SUPPLEMENT



Ab Rahim meneliti modul yang dibekalkan kepada pelajar selepas merasmikan Seminar PMR di UTHM, Batu Pahat, baru-baru ini.